



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Pendidikan Moral

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tahun 1



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Pendidikan Moral

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tahun 1

Bahagian Pembangunan Kurikulum

2015

Terbitan 2016

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

ISBN: 978-967-420-103-6

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan.....	vii
Kata Pengantar.....	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat.....	2
Objektif.....	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah.....	3
Fokus.....	4
Kemahiran Abad Ke-21.....	7
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	9
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.....	10
Elemen Merentas Kurikulum.....	13
Pentaksiran.....	15
Organisasi Kandungan.....	18
Tema Diri Saya.....	22



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains
dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha
kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU(A)531/97]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 telah disemak semula bagi memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 supaya kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah rendah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSR menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran dalam dokumen kurikulum telah mengubah landskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenalpasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSR, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21

dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSR, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSR. Semoga pelaksanaan KSSR akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

PENDAHULUAN

Mata pelajaran Pendidikan Moral merupakan satu usaha untuk mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral dan berakhhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Mata pelajaran ini diharap dapat menghasilkan murid yang berpengetahuan, berperwatakan mulia, dan mengutamakan perpaduan serta bersemangat patriotik ke arah menyumbang secara produktif terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Kurikulum mata pelajaran ini direalisasikan melalui DSKP yang merupakan dokumen wajib yang perlu dirujuk oleh guru untuk merancang dan mentaksir pengajaran dan pembelajaran (PdP). Guru perlu merancang bagi menterjemahkan DSKP ini dengan bijak supaya PdP lebih berkesan dan menarik. Di samping itu, guru perlu memahami tahap penguasaan yang digariskan dalam DSKP ini dan sentiasa memastikan tahap-tahap penguasaan ini dikuasai oleh murid.

Kurikulum ini juga memberi tumpuan kepada usaha memupuk kerohanian dan moraliti murid. Kurikulum ini memberi

penekanan kepada pemahaman, penghayatan dan amalan nilai universal yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum. Kurikulum ini juga turut menyediakan satu panduan hidup kepada murid untuk membuat keputusan dan tindakan yang membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab moral dan sosial terhadap keluarga, sekolah, jiran, masyarakat dan negara.

DSKP ini juga menekankan kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid bagi menyediakan mereka menghadapi cabaran dalam abad ke-21. Penguasaan kemahiran-kemahiran ini akan membantu murid membina daya tahan diri dengan berkeyakinan dan bertanggungjawab dalam kehidupan sehari-hari. Manakala pelbagai strategi PdP turut disarankan kepada guru bagi memastikan murid menguasai kurikulum Pendidikan Moral lebih bermakna. DSKP Pendidikan Moral ini juga menumpukan kepada pemahaman tentang nilai-nilai perpaduan dan hubungan baik sesama insan agar melahirkan warganegara yang sejahtera dan harmonis.

MATLAMAT

Kurikulum Pendidikan Moral bermatlamat membentuk insan berakhhlak mulia dan berintegriti yang berpegang kepada nilai universal berdasarkan prinsip moral dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global.

5. Menggeratkan hubungan yang baik dengan masyarakat ke arah memperkuuhkan perpaduan negara; dan
6. Bertindak dengan integriti terhadap diri, keluarga, sekolah, jiran, masyarakat, negara dan masyarakat global.

OBJEKTIF


KSSR Pendidikan Moral bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Mengetahui dan memahami nilai-nilai universal;
2. Menghayati dan mengamalkan budi pekerti mulia dalam kehidupan seharian;
3. Melaksanakan tanggungjawab moral dan sosial bagi mengekalkan kesejahteraan diri, keluarga, sekolah, jiran, masyarakat dan negara;
4. Mengembangkan kemahiran penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dalam pertimbangan dan keputusan yang berpegang kepada peraturan masyarakat dan nilai universal yang berdasarkan prinsip moral;

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

KSSR dibina berdasarkan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepadanuan ini bertujuan

membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. KSSR Pendidikan Moral turut menggabungjalinkan keenam-enam tunjang ini dalam membangunkan DSKP Pendidikan Moral Sekolah Rendah.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah


FOKUS

Fokus KSSR Pendidikan Moral adalah untuk membentuk insan yang berakhhlak mulia. Pembentukan insan yang berakhhlak mulia ini dapat direalisasikan dengan menerapkan tiga domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dalam kalangan murid.

Tindakan yang diperkuuhkan dengan penaakulan moral membolehkan murid berfikir sebelum bertindak. Emosi moral pula akan memotivasi murid untuk membuat perlakuan moral. Dengan ini, perlakuan moral seorang murid akan menjurus ke arah insan yang berakhhlak mulia.

Domain moral ini juga akan mendorong seorang murid membuat pertimbangan moral (*moral judgement*) yang sesuai, tepat dan konsisten. Pertimbangan moral merupakan aspek utama dalam pembentukan moral yang membolehkan murid mengambil sesuatu tindakan yang berasaskan kepada peraturan atau nilai universal.

Rajah 2 berikut menunjukkan hubungan antara penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral yang boleh membentuk insan yang berakhhlak mulia.



Rajah 2: Hubungan antara Penaakulan Moral, Emosi Moral dan Perlakuan Moral

Pembentukan insan yang berakhhlak mulia seperti yang diharapkan dalam matlamat kurikulum Pendidikan Moral boleh dicapai dengan mengintegrasikan ketiga-tiga domain berikut:

Penaakulan Moral

Keupayaan mental untuk menaakul dalam situasi yang kabur atau berkonflik nilai demi mengenal pasti perlakuan baik atau benar dan perlakuan jahat atau salah. Keupayaan mental dapat merungkai dan menyelesaikan masalah atau isu moral sebaik mungkin secara autonomi, rasional dan objektif berdasarkan kepada prinsip moral.

Emosi Moral

Kesedaran emosi moral melahirkan kepedulian dan hati nurani yang menyebabkan insan berasa gembira apabila membuat sesuatu yang betul dan rasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak betul. Emosi moral melahirkan motivasi moral dan niat untuk bertindak berdasarkan empati dan simpati terhadap diri dan orang lain.

Perlakuan Moral

Perlakuan moral adalah tindakan moral berkaitan antara penaakulan moral dan emosi moral. Ia dilakukan secara rela hati dengan rasa bertanggungjawab, akauntabiliti dan berintegriti moral.

Ketiga-tiga domain tersebut perlu dikembangkan bersama dengan penerapan nilai universal untuk membantu murid membuat keputusan yang rasional dalam menyelesaikan permasalahan moral. Sehubungan itu, ketiga-tiga domain tersebut perlu diaplikasikan bersama dengan 14 nilai universal yang menjadi wahana bagi menghasilkan insan yang berakhhlak mulia. Nilai universal tersebut merupakan nilai-nilai murni yang diterima oleh masyarakat Malaysia dan menepati anutan agama atau kepercayaan masyarakat Malaysia. Guru-guru Pendidikan Moral perlu menyediakan PdP yang dapat memupuk dan menyemai nilai-nilai tersebut dalam kalangan murid sekolah rendah. Nilai-nilai tersebut adalah seperti yang terkandung dalam Jadual 1.

Jadual 1: Nilai Universal bagi Mata Pelajaran KSSR Pendidikan Moral

NILAI	MAKSUD NILAI
Kepercayaan kepada Tuhan	Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.
Baik hati	Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri, dan orang lain dengan memberi bantuan serta sokongan moral secara ikhlas.
Bertanggung jawab	Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.
Berterima kasih	Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan.
Hemah tinggi	Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia.
Hormat	Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial.
Kasih sayang	Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas.
Keadilan	Tindakan dan keputusan yang tidak berat sebelah.
Keberanian	Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah.

NILAI	MAKSUD NILAI
Kejujuran	Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan.
Kerajinan	Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu.
Kerjasama	Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua.
Kesederhanaan	Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.
Toleransi	Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup diri dan orang lain.

Di samping itu, elemen perpaduan turut diterjemahkan secara eksplisit dalam kurikulum Pendidikan Moral. Ia dijelmakan melalui tiga konstruk utama perpaduan iaitu menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian. Setiap konstruk utama pula mempunyai subkonstruk masing-masing yang sebenarnya merupakan elemen perpaduan yang perlu dipupuk dalam kalangan murid.

Subkonstruk menerima kepelbagaian merujuk kepada murid yang boleh bersikap terbuka, bertoleransi, percaya dan sanggup bekerjasama walaupun berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa. Manakala subkonstruk menghormati kepelbagaian merujuk kepada murid yang boleh mengamalkan sikap atau tingkah laku yang berhemah tinggi, menghargai dan prihatin walaupun berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa. Seterusnya subkonstruk mengurus kepelbagaian pula merujuk kepada murid yang boleh mengamalkan sikap atau tingkah laku yang amanah, adil dan rasional walaupun berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa.

Guru-guru yang mengajar mata pelajaran ini hendaklah menyesuaikan elemen ini dengan nilai atau tajuk yang berkaitan dengan perpaduan tanpa mengubah disiplin ilmu dan kandungan moral mata pelajaran ini.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSR adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid supaya berusaha bersaing di peringkat global seperti dalam Jadual 2. Penggunaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam kurikulum Pendidikan Moral menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 2 : Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai murid. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru.
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka mengalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika atau undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh.
Penyayang atau Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

KBAT dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam PdP bagi meransang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Tahap Pemikiran dalam KBAT

Tahap Pemikiran	Penerangan
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiiri, penyelesaian masalah

dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

KSSR Pendidikan Moral menggalakkan murid menyertai secara aktif dan interaktif dalam proses PdP. Penyertaan murid secara aktif dan interaktif dalam PdP adalah usaha untuk membentuk insan yang menyeluruh. Ini akan memberi peluang kepada murid untuk menyoal, berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain sewaktu memberi dan berkongsi pendapat dan idea. Seterusnya, membolehkan murid memahami dan mengkaji peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara Malaysia dan global.

Antara strategi PdP yang dicadangkan dalam KSSR Pendidikan Moral adalah seperti Pembelajaran Aktif, Pembelajaran Penyelesaian Masalah, Pembelajaran Khidmat Masyarakat dan Pembelajaran Berasaskan Projek.

Pembelajaran Aktif

Pembelajaran Aktif dalam Pendidikan Moral akan membolehkan murid memahami peranan dan tanggungjawabnya sebagai seorang ahli yang berkesan dalam pelbagai kumpulan sosial seperti keluarga, sekolah, rakan, komuniti tempatan, agama, negara dan global. Ini adalah kerana Pembelajaran Aktif melibatkan penyertaan murid dalam proses pembelajaran *hands-on* dan *minds-on*. Melalui pembelajaran ini, murid akan diberi peluang untuk mengembangkan kemahiran dan nilai serta mengaplikasikan modal insan menyeluruh dalam kehidupan sehariannya.

Terdapat pelbagai aktiviti Pembelajaran Aktif yang boleh digunakan dalam PdP Pendidikan Moral. Antaranya ialah perbincangan atau kerja kumpulan kecil seperti *buzzing*, sumbang saran, main peranan, simulasi, debat dan forum.

Pembelajaran Penyelesaian Masalah

Dalam era globalisasi pada abad ke-21 ini, perubahan dan kompleksiti sentiasa berlaku di dalam komuniti tempatan, kebangsaan dan global. Murid Pendidikan Moral akan menghadapi pelbagai cabaran untuk menyelesaikan masalah sama ada secara peribadi atau sosial. Pembelajaran ini penting

bagi membimbing murid Pendidikan Moral dalam kemahiran penyelesaian masalah, sama ada kepada diri sendiri dan persekitarannya. Ini adalah kerana masalah moral yang akan dikaji dan keputusan yang akan diambil lebih bermakna dan relevan dan boleh diaplikasikan dalam kehidupannya. Secara amnya, Pembelajaran Penyelesaian Masalah dalam Pendidikan Moral akan melibatkan murid sendiri mencari jawapan kepada sesuatu permasalahan moral mengenai peranan dan tanggungjawab diri melalui proses inkuiри yang berikut:

- Mengenal pasti dan menghuraikan sesuatu masalah.
- Menentukan pelbagai alternatif untuk menyelesaikan masalah dengan mengambil kira fakta, pandangan dan perasaan watak yang terlibat.
- Memilih strategi yang sesuai untuk menyelesaikan masalah seperti *Theory of Constraints (TOC)*, peta minda, sebab dan akibat dan konflik resolusi.
- Menguji keputusan tentatif yang dipilih dengan mengumpul dan menilai maklumat yang relevan dengan masalah.
- Membuat keputusan muktamad atau mengubahsuaiakan langkah atau strategi yang telah diambil.

Pembelajaran Penyelesaian Masalah secara aktif dalam Pendidikan Moral akan menjadikan asas kepada murid untuk memahami dan menangani perubahan yang berlaku di dalam kehidupan dan persekitarannya dengan bertanggungjawab dan berkesan.

Terdapat pelbagai aktiviti Pembelajaran Penyelesaian Masalah yang boleh digunakan dalam PdP Pendidikan Moral seperti berikut:

- Perundingan meja bulat
- Peta minda atau penyusunan grafik
- Perbincangan berkumpulan
- Main peranan
- Penyoalan
- Panel juri
- Debat

Pembelajaran Khidmat Masyarakat

Pembelajaran Khidmat Masyarakat akan menggalakkan murid menyertai secara aktif dalam sesuatu projek komuniti. Melalui pembelajaran ini, murid dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam menyelesaikan masalah sosial yang benar-benar berlaku di sekolah, komuniti, negara dan global.

Melalui Pembelajaran Khidmat Masyarakat ini, murid akan menjalankan tanggungjawab dan kepemimpinan semasa aktiviti bersama masyarakat. Mereka juga akan mengamalkan nilai moral dan kemahiran sosial dalam memberikan sumbangan kepada masyarakat. Melalui Pembelajaran Khidmat Masyarakat, murid akan mempelajari secara aktif dan interaktif bagaimana menjadi seorang individu yang bertanggungjawab dan menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat.

Pembelajaran Khidmat Masyarakat memerlukan sokongan dan penglibatan ibu bapa serta komuniti tempatan. Oleh itu, guru Pendidikan Moral perlu mewujudkan jalinan *partnership* atau kolaborasi dengan agensi-agensi komuniti tempatan supaya memudahkan penyertaan murid dalam perkhidmatan khidmat masyarakat. Terdapat pelbagai aktiviti Pembelajaran Khidmat

Masyarakat yang boleh digunakan dalam PdP Pendidikan Moral seperti berikut:

- Memberi perkhidmatan secara langsung seperti melakukan gotong-royong di kawasan tempat tinggal, membantu warga sekolah membersihkan taman sekolah atau membantu penghuni di rumah orang tua.
- Memberi perkhidmatan secara tidak langsung seperti membantu sesebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam perkhidmatan seperti mengutip derma bagi mangsa bencana alam.
- Mengambil tindakan secara bersama dengan komuniti seperti menulis surat atau aduan kepada pihak tertentu supaya menyediakan kemudahan awam yang sesuai untuk golongan kurang bernasib baik.

Pembelajaran Berasaskan Projek

PdP Pendidikan Moral adalah berpusatkan murid dan ia memerlukan perlakuan moral dipupuk secara implisit dengan pelbagai kaedah pembelajaran. Pembelajaran Berasaskan Projek dalam Pendidikan Moral merupakan satu proses pembelajaran yang berfokuskan tugas amali secara sistematis atau terancang dalam jangka masa yang tertentu. Ia biasanya melibatkan kutipan serta analisis data dan persediaan satu laporan yang lengkap. Pembelajaran Berasaskan Projek bukan sahaja mampu

menjadikan PdP Pendidikan Moral menjadi lebih berkesan tetapi juga menarik dan menyeronokkan.

Dalam melaksanakan Pembelajaran Berasaskan Projek ini, murid diberi tugas tertentu sama ada secara individu atau kumpulan dan mengikut tahap kebolehan mereka. Murid perlu mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber untuk menyiapkan projek yang diberi oleh guru. Semasa proses menyiapkan tugas, guru hendaklah sentiasa membimbing dan memberi konsultasi kepada murid.

Dalam Pembelajaran Berasaskan Projek ini, guru perlu memantau proses penyediaan projek murid secara berterusan. Proses Pembelajaran Berasaskan Projek dalam Pendidikan Moral melibatkan empat tahap iaitu mengumpul maklumat, memproses maklumat, melaporkan hasil projek dan refleksi kendiri. Guru Pendidikan Moral hendaklah memastikan diri mereka mudah dihubungi pada setiap masa bagi membantu murid menyiapkan projek tersebut.

Guru haruslah memastikan bahawa projek atau tugas yang diberikan kepada murid boleh memupuk tiga domain Pendidikan Moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Bagi tujuan tersebut, guru digalakkan untuk menggunakan cadangan aktiviti yang terkandung dalam DSKP Pendidikan Moral.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam SK. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap alam sekitar dan kelestarian global penting dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam dan kehidupan.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan kebangsaan dan global yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian sains dan teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
 - (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
 - (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
 - (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.

- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.

PENTAKSIRAN

Pentaksiran adalah satu proses yang berterusan dan dijadikan sebahagian daripada PdP. Dalam pentaksiran, guru boleh menggunakan pelbagai kaedah untuk mendapatkan maklumat. Hasil pentaksiran terhadap murid membolehkan guru mengambil tindakan susulan yang berkesan dan seterusnya membantu guru memperkembangkan potensi murid sepenuhnya dalam domain penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Pentaksiran ini bertujuan meningkatkan pembelajaran murid berkenaan dan bukan untuk melabel dan membandingkan murid dengan murid yang lain.

Dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) terdapat empat jenis pentaksiran iaitu Pentaksiran Pusat, Pentaksiran Sekolah, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum, dan Pentaksiran Psikometrik. Pentaksiran Sekolah ialah pentaksiran yang dijalankan oleh guru secara berterusan dalam proses PdP. Pentaksiran Sekolah boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal atau tahun.

Pentaksiran dalam mata pelajaran Pendidikan Moral lebih menekankan kepada usaha ke arah penambahan (*improvement*) serta perkembangan (*development*) dan bukan pencapaian kognitif (*cognitive achievement*) semata-mata. Maklum balas yang diberi semasa atau selepas sesuatu aktiviti pentaksiran merupakan faktor penting dalam menjayakan proses pentaksiran. Pertimbangan harus diberi ke atas keperluan, perasaan dan perkembangan murid-murid secara menyeluruh semasa merancang proses pentaksiran. Oleh yang demikian, dalam melaksanakan Pentaksiran Sekolah guru Pendidikan Moral perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melaporkan tahap penguasaan murid dengan teliti dalam mata pelajaran ini.

Pentaksiran bagi mata pelajaran Pendidikan Moral lebih banyak menggunakan pendekatan formatif dalam membentuk insan yang yang berakhhlak mulia. Ini adalah kerana melalui pentaksiran formatif Pendidikan Moral seorang guru dapat membantu murid menguasai ilmu moral secara berperingkat dan konsisten. Di samping itu, dengan pentaksiran formatif juga guru dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pembelajaran murid.

Melalui kaedah pentaksiran formatif guru Pendidikan Moral hendaklah merancang PdP berdasarkan kelompok SK dan SP yang perlu dikuasai oleh murid. Guru Pendidikan Moral boleh menentukan tahap penguasaan murid dengan merujuk kepada Standard Prestasi (SPi) yang disediakan bagi setiap kelompok. Guru Pendidikan Moral boleh mentadbir dan memeriksa pentaksiran formatif ini sebelum, semasa dan selepas PdP. Perekodan tahap penguasaan murid hanya boleh dilakukan setelah PdP bagi setiap kelompok SK dan SP selesai dilaksanakan.

Bagi menentukan tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran Pendidikan Moral, guru boleh merujuk kepada penyataan tahap penguasaan mata pelajaran Pendidikan Moral seperti yang terkandung dalam Jadual 4.

Jadual 4: Penyataan Tahap Penguasaan Umum Mata Pelajaran Pendidikan Moral

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengetahui nilai yang dipelajari.
2	Memahami dan menjelaskan nilai yang dipelajari.
3	Mengaplikasikan nilai yang dipelajari dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.
4	Mengaplikasikan nilai yang dipelajari dalam pelbagai situasi.
5	Mengamalkan nilai yang dipelajari dalam kehidupan seharian.
6	Mengamalkan nilai yang dipelajari dalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi.

Guru boleh mentaksir tahap penguasaan murid melalui pemerhatian terhadap perubahan tingkah laku dan respons serta pemeriksaan hasil kerja murid sama ada sebelum, semasa atau selepas PdP. Guru perlu merekod tahap penguasaan murid dengan menggunakan format perekodan yang disediakan. Guru boleh membuat pertimbangan profesional untuk menentukan tahap penguasaan keseluruhan murid berdasarkan pengalaman

bersama-sama murid, kebijaksanaan guru serta melalui perbincangan rakan sejawat.

Melalui kaedah pentaksiran sumatif, guru merancang dan menentukan SK dan SP beserta dengan kriteria SPi yang hendak ditaksir berdasarkan unit pembelajaran, penggal atau tahun. Guru membina item pentaksiran berdasarkan SK dan SP dan kriteria SPi yang telah ditentukan. Guru mentadbir pentaksiran sumatif ini pada akhir unit pembelajaran, penggal atau tahun yang telah ditentukan. Guru memeriksa respons murid dan merekod tahap penguasaan murid. Guru boleh membuat analisis data yang direkodkan dan menyediakan laporan prestasi murid secara individu. Antara kaedah pentaksiran adalah:

- membuat demonstrasi atau simulasi
- membina buku skrap dan folio
- melalui kaedah pemerhatian
- maklum balas lisan
- rubrik atau senarai semak
- kuiz dan ujian bertulis
- kerja berkumpulan
- kerja sukarela
- kerja kursus
- kajian kes
- projek

Pentaksiran formatif dan sumatif ini dijalankan sepanjang proses PdP untuk membantu guru mengesan penguasaan dan kemajuan murid serta merancang pengajaran atau strategi seterusnya. Bagi mencapai matlamat, guru Pendidikan Moral harus melaksanakan pentaksiran secara berulang-ulang dan berterusan. Sebagai persediaan, guru harus membuat perancangan dan membina item, instrumen atau aktiviti untuk melihat proses kerja, hasil kerja dan tingkah laku yang ditunjukkan secara konsisten.

Pentaksiran autentik juga lebih sesuai dijalankan bagi mata pelajaran Pendidikan Moral. Pentaksiran autentik merujuk kepada bentuk penilaian di mana murid ditaksir pada masa menjalankan tugas aktiviti pembelajaran harian di dalam dan di luar kelas. Bagi mendapatkan hasil atau evidens terbaik, konteks (standard pembelajaran atau aktiviti) yang digunakan untuk mentaksir murid harus mengambil kira aspek minat, budaya, latar belakang sosio ekonomi, pengalaman seharian, persekitaran, kekuatan, ketidakupayaan dan kebolehlaksanaan murid. Oleh yang demikian, fleksibiliti dibenarkan dari segi instrumen dan aktiviti yang dirancang oleh guru.

Pentaksiran bagi mata pelajaran Pendidikan Moral boleh melibatkan orang lain seperti rakan sebaya, pembantu guru, ahli keluarga dan komuniti mengikut kesesuaian. Pengumpulan maklumat daripada pelbagai sumber dan aktiviti akan

menghasilkan dapatan yang mempunyai kesahan bagi membantu guru membuat keputusan yang lebih jelas tanpa ragu-ragu. Tujuan utama pentaksiran mata pelajaran Pendidikan Moral adalah untuk merancang tindakan susulan supaya murid dapat menguasai hasil pembelajaran yang dihasratkan oleh guru.

Tindakan susulan boleh dikategorikan kepada dua jenis seperti berikut:

- Pengukuhan dan pengayaan pembelajaran adalah untuk murid yang sudah menguasai SP dan tahap penguasaan yang ditetapkan maka latihan tambahan yang lebih mencabar diberikan kepada golongan murid ini.
- Bimbingan dan pemulihan adalah untuk murid yang belum atau dalam proses menguasai SP dan tahap penguasaan yang ditetapkan. Oleh itu, golongan murid ini perlu diberi galakan dan aktiviti bimbingan yang bersesuaian pada tahap penguasaan mereka. Kaedah PdP yang relevan dan sesuai perlu diaplikasikan.

ORGANISASI KANDUNGAN

KSSR Pendidikan Moral digubal mengikut tema dan mengandungi enam tema yang menjadi wahana untuk menyampaikan nilai universal. Penggubalan tema ini mengambil kira struktur hubungan murid dengan persekitarannya, seperti kerohanian, budaya, sosioemosi, alam sekeliling dan sebagainya. Tema-tema tersebut adalah seperti dalam Jadual 5:

Jadual 5: Tema Pendidikan Moral Tahun 1

Tahun	Tema
1	Diri Saya
2	Saya dan Keluarga
3	Saya dan Sekolah
4	Saya dan Jiran
5	Saya dan Masyarakat
6	Saya dan Negara

Setiap SK diterjemahkan melalui SP. Murid perlu memahami SK supaya mereka dapat menguasai SP. SPi pula merupakan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara yang diajar itu telah dikuasai oleh murid. SPi ini digubal dengan mengambil kira tahap keperluan, perkembangan dan kemahiran murid. Penerangan bagi setiap SK, SP dan SPi ditunjukkan seperti dalam Jadual 6.


Jadual 6: Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid (<i>indicator of success</i>).

Bagi menggunakan DSKP Pendidikan Moral secara optimum, adalah perlu bagi guru Pendidikan Moral untuk mengetahui dan menghayati kandungan yang terdapat dalam lima lajur penting yang akan membantu guru mencerakinkan PdP.

Lima lajur yang terdapat dalam DSKP Pendidikan Moral adalah Lajur Standard Kandungan, Lajur Standard Pembelajaran, Lajur Catatan, Lajur Tahap Penguasaan dan Lajur Tafsiran Tahap Penguasaan.

Kedudukan lima lajur tersebut dan penerangan berkaitan lajur-lajur tersebut ditunjukkan secara grafik dalam Rajah 3 berikut:



Rajah 3: Lima Lajur Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR Pendidikan Moral

1

Lajur Standard Kandungan

Lajur ini disenaraikan pernyataan spesifik tentang konsep atau tindakan moral yang murid patut ketahui dan boleh lakukan.

2

Lajur Standard Pembelajaran

Lajur ini merupakan penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap SK. Indikator-indikator pembelajaran Pendidikan Moral ini dibina berdasarkan tiga domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Penetapan kriteria ini juga mengambil kira aspek KBAT yang boleh dicapai oleh murid.

3

Lajur Catatan

Lajur ini mengandungi nilai dan cadangan aktiviti yang boleh digunakan oleh guru bagi memastikan SK dan SP dapat dikuasai oleh murid. Nilai yang dinyatakan adalah nilai yang perlu diterapkan oleh guru dalam satu sesi PdP. Nilai yang terkandung dalam lajur ini adalah salah satu daripada 14 nilai universal yang terkandung dalam KSSR.

Cadangan Aktiviti yang terdapat dalam lajur ini turut membantu guru melaksanakan aktiviti PdP yang menarik dan berkesan. Cadangan aktiviti yang dikemukakan telah mengambil kira kesesuaian SK dan SP.

Guru boleh mengubahsuai cadangan aktiviti ini sesuai dengan tahap kecerdasan, kebolehan dan juga keadaan sekeliling murid. Guru digalakkan untuk mereka bentuk aktiviti tambahan yang inovatif dan kreatif dan boleh mencabar pemikiran murid untuk meningkatkan mutu PdP Pendidikan Moral.

4

Lajur Tahap Penguasaan

Lajur ini adalah suatu set kriteria umum tahap penguasaan satu hingga enam yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid Pendidikan Moral pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu SP Pendidikan Moral itu telah dikuasai murid (*indicator of success*).

5

Lajur Tafsiran Tahap Penguasaan

Lajur ini merupakan penerangan spesifik bagi setiap tahap penguasaan yang perlu dikuasai oleh murid yang mengambil mata pelajaran ini.

TEMA : DIRI SAYA

Tema ini memerihalkan nilai universal yang perlu dihayati oleh diri murid. Seorang murid yang menguasai nilai universal akan mempertimbangkan tindakan dan perlakuan moralnya dengan lebih berkesan berlandaskan peraturan dan undang-undang, agama atau kepercayaan serta norma masyarakat.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
1. Agama atau Kepercayaan Saya	Murid boleh : 1.1 Menyatakan agama atau kepercayaan diri. 1.2 Menghuraikan kepentingan mempunyai agama atau kepercayaan. 1.3 Mengenal pasti ciptaan Tuhan. 1.4 Melahirkan rasa syukur terhadap ciptaan Tuhan. 1.5 Melaksanakan nilai-nilai keagamaan atau kepercayaan.	1	Menyatakan agama atau kepercayaan diri.	Nilai : <ul style="list-style-type: none">Kepercayaan kepada Tuhan Cadangan Aktiviti : <ul style="list-style-type: none">Murid menghasilkan peta bulatan tentang agama atau kepercayaan diri.Murid bercerita berpandukan gambar tentang amalan keagamaan atau kepercayaan diri.Murid mewarnakan gambar alam semulajadi ciptaan Tuhan.Murid menanam pokok bunga atau pokok taugeh di dalam bilik darjah.
		2	Menerangkan kepentingan mempunyai agama atau kepercayaan.	
		3	Menunjuk cara melaksanakan nilai-nilai keagamaan atau kepercayaan dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.	
		4	Menunjuk cara melaksanakan nilai-nilai keagamaan atau kepercayaan dalam pelbagai situasi.	
		5	Mengamalkan nilai-nilai keagamaan atau kepercayaan dalam kehidupan sehari-hari.	
		6	Mengamalkan nilai-nilai keagamaan atau kepercayaan dalam kehidupan sehari-hari secara tekal atau boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2. Bantuan Secara Ikhlas	Murid boleh : 2.1 Menyenaraikan sifat baik hati yang ada pada diri. 2.2 Memberi cadangan cara membantu orang lain. 2.3 Memberi alasan pentingnya menghulurkan bantuan. 2.4 Menunjukkan perasaan apabila dapat memberi bantuan. 2.5 Memberikan sokongan moral dan kebendaan kepada yang memerlukan.	1	Menyatakan sifat baik hati yang ada pada diri.	Nilai : <ul style="list-style-type: none">Baik hati Cadangan Aktiviti : <ul style="list-style-type: none">Murid bercerita dan melakonkan mengikut gambar situasi yang berkaitan dengan pemberian bantuan.Murid mengumpul keratan surat khabar yang menggambarkan perlakuan baik hati.Murid menyanyikan lagu bertemakan nilai baik hati.Murid mengumpul bahan kitar semula dan menjualnya untuk mendapat dana membantu kawan yang memerlukan.
		2	Menerangkan cara memberi bantuan kepada orang lain.	
		3	Menunjuk cara memberi sokongan moral dan bantuan kepada orang lain dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.	
		4	Menunjuk cara memberi sokongan moral dan bantuan kepada orang lain dalam pelbagai situasi.	
		5	Mengamalkan sikap memberi sokongan moral dan bantuan kepada orang lain dalam kehidupan seharian.	
		6	Mengamalkan sikap memberi sokongan moral dan bantuan kepada orang lain dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3. Tanggungjawab Diri	Murid boleh :	1	Menyatakan tanggungjawab terhadap diri sendiri.	<p>Nilai :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bertanggungjawab <p>Cadangan Aktiviti :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid menghasilkan buku atau kad kecil yang bertajuk “Tanggungjawab Saya”. • Murid dikehendaki menjaga kebersihan dan kekemasan kelas. • Murid menyenaraikan tanggungjawab terhadap diri sendiri selama seminggu dengan melengkapkan jadual tanggungjawab. • Murid melakar peta bulatan untuk menyatakan kepentingan melaksanakan tanggungjawab terhadap diri.
		2	Menerangkan kepentingan melaksanakan tanggungjawab terhadap diri sendiri.	
		3	Menunjuk cara melaksanakan tanggungjawab terhadap diri sendiri dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.	
		4	Menunjuk cara melaksanakan tanggungjawab terhadap diri sendiri dalam pelbagai situasi.	
		5	Mengamalkan sikap bertanggungjawab terhadap diri sendiri dalam kehidupan seharian.	
		6	Mengamalkan sikap bertanggungjawab terhadap diri sendiri dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
4. Sikap Berterima Kasih	<p>Murid boleh :</p> <p>4.1 Mengucapkan terima kasih dalam pelbagai bahasa.</p> <p>4.2 Mengenal pasti pelbagai cara memberi penghargaan.</p> <p>4.3 Menghuraikan kepentingan memberi penghargaan.</p> <p>4.4 Menyatakan perasaan apabila dapat memberi penghargaan.</p> <p>4.5 Mencipta pelbagai cenderahati dan kraftangan sebagai tanda penghargaan.</p>	1	Menyatakan ucapan terima kasih dalam pelbagai bahasa.	<p>Nilai :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berterima kasih <p>Cadangan Aktiviti :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid menyanyikan lagu berterima kasih ciptaan guru atau yang boleh didapat dalam <i>Youtube</i>. • Murid menghasilkan kad ucapan terima kasih dalam pelbagai bahasa. • Murid menghasilkan pelbagai cenderahati daripada bahan terpakai atau origami sebagai tanda penghargaan. • Murid melakukan simulasi atau main peranan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan dalam pelbagai situasi.
		2	Menerangkan pelbagai cara memberi penghargaan.	
		3	Menunjuk cara memberi penghargaan dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.	
		4	Menunjuk cara memberi penghargaan dalam pelbagai situasi.	
		5	Mengamalkan sikap memberi penghargaan dalam kehidupan seharian.	
		6	Mengamalkan sikap memberi penghargaan dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
5. Bersopan dalam Tutur Kata dan Tingkah Laku	<p>Murid boleh :</p> <p>5.1 Mengenal pasti tutur kata dan tingkah laku yang bersopan.</p> <p>5.2 Meramalkan kesan tutur kata dan tingkah laku yang sopan.</p> <p>5.3 Menunjukkan cara berkomunikasi dengan beradab sopan dalam tutur kata dan tingkah laku.</p> <p>5.4 Menzahirkan perasaan apabila beradab sopan dalam pertuturan dan tingkah laku.</p> <p>5.5 Mengamalkan tutur kata dan tingkah laku yang bersopan.</p>	1	Menyatakan tutur kata dan tingkah laku yang bersopan.	<p>Nilai :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hemah tinggi <p>Cadangan Aktiviti :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid melakonkan situasi tingkah laku dan pertuturan yang sopan semasa di kantin. • Murid menghasilkan poster dengan menggunakan huruf daripada surat khabar untuk membina ungkapan berkaitan hemah tinggi yang telah diberi. • Murid dikehendaki memilih kad situasi berkaitan hemah tinggi dan melakonkan situasi yang tertulis pada kad tersebut. • Murid menyenaraikan tutur kata yang bersopan dan membuat corak di kertas lukisan untuk dipamer.
		2	Menerangkan kesan bertutur dan bertingkah laku yang sopan.	
		3	Menunjuk cara bertutur dan bertingkah laku yang sopan dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.	
		4	Menunjuk cara bertutur dan bertingkah laku yang sopan dalam pelbagai situasi.	
		5	Mengamalkan tutur kata dan tingkah laku yang sopan dalam kehidupan seharian.	
		6	Mengamalkan tutur kata dan tingkah laku yang sopan dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
6. Hormati Diri	<p>Murid boleh :</p> <p>6.1 Memberi contoh menghormati diri sendiri.</p> <p>6.2 Menerangkan faedah menghormati diri sendiri.</p> <p>6.3 Membanding beza cara menghormati diri sendiri dan tidak menghormati diri sendiri.</p> <p>6.4 Menyatakan perasaan apabila dapat menghormati diri sendiri.</p> <p>6.5 Mempraktikkan sikap menghormati diri sendiri dalam kehidupan seharian.</p>	1	Menyatakan cara menghormati diri sendiri.	Nilai : <ul style="list-style-type: none"> • Hormat Cadangan Aktiviti : <ul style="list-style-type: none"> • Murid menyenaraikan cara menghormati diri sendiri. • Murid dikehendaki memilih gambar situasi yang berkaitan dengan sikap hormat. • Murid mereka cipta bentuk mahkota daripada kad manila yang mengandungi ungkapan sikap hormat terhadap diri. • Murid membuat poster seperti Anti Merokok atau Anti Buli dan sebagainya.
		2	Menerangkan kepentingan menghormati diri sendiri.	
		3	Menunjuk cara menghormati diri sendiri dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.	
		4	Menunjuk cara menghormati diri sendiri dalam pelbagai situasi.	
		5	Mengamalkan sikap menghormati diri sendiri dalam kehidupan seharian.	
		6	Mengamalkan sikap menghormati diri sendiri dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
7. Sayangi Diri	Murid boleh :	1	Menyatakan cara menjaga kebersihan dan keselamatan diri.	<p>Nilai :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kasih sayang <p>Cadangan Aktiviti :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid meniru perlakuan guru cara menggosok gigi dengan betul. • Murid dikehendaki membawa bahan atau alatan menjaga kebersihan dan keselamatan diri untuk pameran di dalam bilik darjah. • Murid menonton tayangan video yang berkaitan dengan nilai sayangi diri seperti menjaga kebersihan dan keselamatan diri, cara mencuci tangan dan cara memakai topi keledar atau tali pinggang keselamatan.
	7.1 Menyenaraikan cara menjaga kebersihan dan keselamatan diri.	2	Menerangkan cara menjaga kebersihan dan keselamatan diri.	
	7.2 Menjelaskan dengan contoh kesan tidak menjaga kebersihan dan keselamatan diri.	3	Menunjuk cara menjaga kebersihan dan keselamatan diri dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.	
	7.3 Memberi alasan pentingnya menjaga kebersihan dan keselamatan diri.	4	Menunjuk cara menjaga kebersihan dan keselamatan diri dalam pelbagai situasi.	
	7.4 Mengekspresikan perasaan setelah menjaga kebersihan dan keselamatan diri.	5	Mengamalkan sikap menyayangi diri dengan menjaga kebersihan dan keselamatan diri dalam kehidupan seharian.	
	7.5 Mempraktikkan amalan menjaga kebersihan dan keselamatan diri dalam kehidupan seharian.	6	Mengamalkan sikap menyayangi diri dengan menjaga kebersihan dan keselamatan diri dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
8. Adil dalam Perlakuan Seharian	Murid boleh :	1	Menyatakan contoh keadilan dalam perlakuan sehari-hari.	<p>Nilai :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keadilan <p>Cadangan Aktiviti :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid dikehendaki melengkapkan jadual tugas kelas secara adil. • Murid melakukan simulasi cara mengagihkan barang secara adil dalam kumpulan. • Murid dan guru berosal jawab sebab-sebab perlunya berlaku adil dalam perlakuan harian. • Murid memadankan situasi gambar dengan pernyataan yang menunjukkan perlakuan adil.
	8.1 Menyatakan contoh keadilan dalam perlakuan sehari-hari.	2	Menerangkan sebab perlunya bersikap adil dalam perlakuan sehari-hari.	
	8.2 Menceritakan sebab perlu berlaku adil dalam perlakuan sehari-hari.	3	Menunjuk cara bertindak adil dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.	
	8.3 Menilai kesan ketidakadilan dalam perlakuan sehari-hari.	4	Menunjuk cara bertindak adil dalam pelbagai situasi.	
	8.4 Menghayati sikap adil dalam perlakuan sehari-hari.	5	Mengamalkan sikap adil dalam kehidupan sehari-hari.	
	8.5 Bertindak adil dalam perlakuan sehari-hari.	6	Mengamalkan sikap adil dalam kehidupan sehari-hari secara tekal atau boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
9. Berani Mempertahankan Maruah Diri	Murid boleh :	1	Menyatakan contoh perlakuan berani mempertahankan maruah diri.	<p>Nilai :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keberanian <p>Cadangan Aktiviti :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid menonton tayangan video yang berkaitan dengan sikap berani mempertahankan maruah diri. • Murid melakonkan cerita teladan ‘Arnab dan Kura-kura’. • Murid mewarnakan poster atau lukisan yang berkaitan dengan sikap berani. • Murid melakukan sumbangsaran berdasarkan kad situasi atau keratan akhbar yang berkaitan dengan sikap berani.
	9.1 Memberikan contoh perlakuan berani mempertahankan maruah diri.	2	Menerangkan kepentingan bersikap berani mempertahankan maruah diri.	
	9.2 Mengenal pasti kepentingan bersikap berani untuk mempertahankan maruah diri.	3	Menunjuk cara perlakuan berani mempertahankan maruah diri dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.	
	9.3 Menilai kesan apabila bertindak berani secara melulu tanpa berfikir.	4	Menunjuk cara bersikap berani mempertahankan maruah diri dalam pelbagai situasi.	
	9.4 Mengekspresikan perasaan apabila dapat mempertahankan maruah diri.	5	Mengamalkan sikap berani mempertahankan maruah diri dalam kehidupan seharian.	
	9.5 Mengaplikasikan sikap berani mempertahankan maruah diri dalam pelbagai situasi.	6	Mengamalkan sikap berani mempertahankan maruah diri dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
10. Jujur dalam Kehidupan Seharian	<p>Murid boleh :</p> <p>10.1 Memberikan contoh perlakuan jujur dalam kehidupan sehari-hari.</p> <p>10.2 Menghuraikan sebab perlunya bersikap jujur.</p> <p>10.3 Menunjuk cara bersikap jujur dalam kehidupan sehari-hari.</p> <p>10.4 Meluahkan perasaan apabila bersikap jujur.</p> <p>10.5 Mengaplikasikan sikap jujur dalam pelbagai situasi.</p>	1	Menyatakan contoh sikap jujur dalam pelbagai situasi.	<p>Nilai :</p> <ul style="list-style-type: none"> Kejujuran <p>Cadangan Aktiviti :</p> <ul style="list-style-type: none"> Murid menonton tayangan video yang mempunyai nilai kejujuran. Murid melengkapkan peta pelbagai alir berkaitan kepentingan bersikap jujur dan memberikan sebab (situasi) dan akibat (kesan) bersikap jujur. Murid melakonkan situasi jual beli yang mengaitkan sikap jujur. Murid menghasilkan penanda buku yang bertemakan kejujuran.
		2	Menerangkan sebab perlunya bersikap jujur.	
		3	Menunjuk cara bersikap jujur dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.	
		4	Menunjuk cara bersikap jujur dalam pelbagai situasi.	
		5	Mengamalkan sikap jujur dalam kehidupan sehari-hari.	
		6	Mengamalkan sikap jujur dalam kehidupan sehari-hari secara tekal atau boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
11. Rajin dalam Perlakuan Harian	<p>Murid boleh :</p> <p>11.1 Menyatakan ciri-ciri bersikap rajin.</p> <p>11.2 Membincangkan kebaikan bersikap rajin.</p> <p>11.3 Mencadangkan aktiviti yang menunjukkan sikap rajin.</p> <p>11.4 Mengekspresikan perasaan apabila bersikap rajin dalam perlakuan seharian.</p> <p>11.5 Mengamalkan sikap rajin dalam aktiviti seharian.</p>	1	Menyatakan contoh bersikap rajin.	Nilai : <ul style="list-style-type: none"> • Kerajinan Cadangan Aktiviti : <ul style="list-style-type: none"> • Murid mengaitkan cerita semut dan belalang dengan nilai kerajinan melalui kaedah sumbangsaran. • Murid menyanyikan lagu ‘Rajin Adik Rajin’ yang boleh dilayari melalui internet. • Murid menjalankan projek keceriaan bilik darjah secara berterusan dengan menghias sudut mata pelajaran Pendidikan Moral. • Murid melakukan simulasi bersikap rajin mengikut situasi yang diberi.
		2	Menerangkan kebaikan bersikap rajin.	
		3	Menunjuk cara bersikap rajin dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.	
		4	Menunjuk cara bersikap rajin dalam pelbagai situasi.	
		5	Mengamalkan bersikap rajin dalam kehidupan seharian.	
		6	Mengamalkan sikap rajin dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
12. Kerjasama dalam Kehidupan Seharian	Murid boleh :	1	Menyatakan aktiviti yang boleh dilakukan bersama-sama.	<p>Nilai :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerjasama <p>Cadangan Aktiviti :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid mereka cipta model daripada bahan kitar semula atau tanah liat. • Murid bermain permainan dalaman/ tradisional secara kumpulan. • Murid bersama-sama membina model atau monumen menggunakan straw atau lidi dan sebagainya. • Murid melakonkan situasi berdasarkan sikap kerjasama yang diberi oleh guru.
	12.1 Memerihalkan aktiviti yang boleh dilakukan bersama-sama.	2	Menerangkan kebaikan bekerjasama dengan orang lain.	
	12.2 Menghuraikan kebaikan bekerjasama dengan orang lain.	3	Menunjuk cara bekerjasama dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.	
	12.3 Merancang aktiviti yang menunjukkan sikap kerjasama.	4	Menunjuk cara bekerjasama dalam pelbagai situasi.	
	12.4 Meluahkan perasaan apabila melaksanakan aktiviti bersama-sama.	5	Mengamalkan sikap bekerjasama dalam kehidupan seharian.	
	12.5 Mempraktikkan nilai bekerjasama demi perpaduan dalam kehidupan seharian.	6	Mengamalkan sikap bekerjasama dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
13. Kesederhanaan dalam Diri	<p>Murid boleh :</p> <p>13.1 Memberi contoh sikap tidak keterlaluan dalam kehidupan sehari-hari.</p> <p>13.2 Mengenal pasti kepentingan bersikap sederhana.</p> <p>13.3 Membanding beza antara sikap bersederhana dengan sikap keterlaluan.</p> <p>13.4 Menyatakan perasaan apabila bersikap sederhana dalam kehidupan sehari-hari.</p> <p>13.5 Mengamalkan perlakuan sederhana dalam kehidupan sehari-hari.</p>	1	Menyatakan contoh kesederhanaan dalam kehidupan sehari-hari.	<p>Nilai :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kesederhanaan <p>Cadangan Aktiviti :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid dibawa melihat keadaan kantin sekolah selepas waktu rehat untuk mengenal pasti sikap keterlaluan murid dalam pembaziran makanan dan utiliti. • Murid mereka cipta tabung dengan menggunakan bahan kitar semula untuk menggalakkan sikap sederhana. • Murid membuat catatan perbelanjaan dalam buku saku yang dibuat sendiri atau guru. • Murid melengkapkan peta bulatan mengenai kepentingan bersikap sederhana.
		2	Menerangkan kepentingan bersikap sederhana dalam kehidupan sehari-hari.	
		3	Menunjuk cara bersikap sederhana dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.	
		4	Menunjuk cara bersikap sederhana dalam pelbagai situasi.	
		5	Mengamalkan kesederhanaan dalam kehidupan sehari-hari.	
		6	Mengamalkan kesederhanaan dalam kehidupan sehari-hari secara tekal atau boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
14. Toleransi dalam Kehidupan Seharian	Murid boleh :	1	Menyatakan cara bertoleransi dalam kehidupan sehari-hari.	<p>Nilai :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Toleransi <p>Cadangan Aktiviti :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid menjalankan projek ‘Pokok Toleransi’ dengan menggantung kad perkataan yang mengandungi kebaikan toleransi di ranting pokok yang disediakan oleh guru. • Murid melakukan simulasi beratur semasa membeli makanan di kantin atau menaiki bas. • Murid bermain permainan ‘Dam Haji’ secara berpasangan dengan mengamalkan sikap bertoleransi ansur, sabar dan mengawal diri semasa menunggu giliran. • Murid melengkapkan peta dakap dengan ciri-ciri toleransi.
	14.1 Menyatakan cara bertoleransi dalam kehidupan sehari-hari.	2	Menerangkan kebaikan bertoleransi dalam kehidupan sehari-hari.	
	14.2 Membincangkan kebaikan bersabar dan bertolak ansur terhadap diri dan orang lain.	3	Menunjuk cara sikap bertoleransi dalam sesuatu situasi dengan bimbingan.	
	14.3 Mendemonstrasikan cara bertoleransi dalam pelbagai situasi.	4	Menunjuk cara sikap bertoleransi dalam pelbagai situasi.	
	14.4 Melahirkan perasaan apabila dapat mengawal diri dalam sesuatu situasi.	5	Mengamalkan sikap bertoleransi dalam kehidupan sehari-hari.	
	14.5 Mempraktikkan sikap bertoleransi untuk memperkuat perpaduan dalam kehidupan.	6	Mengamalkan sikap bertoleransi dalam kehidupan sehari-hari secara tekal atau boleh dicontohi.	

PANEL PENGGUBAL

1.	Mohd Faudzan bin Hamzah	Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM
2.	Mohd Kamal bin Hj. Abdullah	Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM
3.	Azmarina binti Abdul Samad	Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM
4.	Magesvaran a/l Superamaniam	Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM
5.	Than Chew Keok	Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM
6.	Velusamy a/l Kuppusamy	Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM
7.	YM. Tengku Adnan Tengku Awang	Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM
8.	Thana Balan a/l Narayanan	Bahagian Buku Teks, KPM
9.	Krishna Kumary a/p Juval	IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur
10.	Badriyatun binti Kamar	IPG Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
11.	Dr. Tan Bee Choo	IPG Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
12.	Set Chun Siong	SJKC Naam Kheung, Cheras, WP Kuala Lumpur
13.	Chee Siow Ling	SJKC Sungai Way, Petaling Jaya, Selangor
14.	Koh Mooi Ling	SJKC Yoke Nam, Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur
15.	Suresh Kumar a/l Manikam	SJKT Ladang Jeram Padang, Bahau, Negeri Sembilan

16.	Paragas a/l Krishnan	SJKT Rawang, Rawang, Selangor
17.	Mohgenavalli a/p Moorthy	SJKT RRI Sungai Buloh, Sungai Buloh, Selangor
18.	Wang Lock Hui	SK Hulu Klang, Ampang, Selangor
19.	Mohamad Azhan bin Mat Saad	SK Selayang Baru (1), Batu Caves, Selangor
20.	Christina Kam Ai Fang	SJKC Alor Gajah, Alor Gajah, Melaka
21.	Lee Phooi Sze	SJKC Balakong, Sri Kembangan, Selangor
22.	Dr. Ilhavenil a/p Narinasamy	SMK (P) Sri Aman, Petaling Jaya, Selangor
23.	Dr. Vishalache a/p Balakrishnan	Universiti Malaya, Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur
24.	Prof. Dr. Chang Lee Hoon	Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak



Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ares 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,
62604 Putrajaya,
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://www.moe.gov.my/bpk>